



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
No. 8

14hb April 2016

TAMBAHAN
No. 1

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

STRATA MANAGEMENT ACT 2013

No. 1388.

PELANTIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(1)

APPOINTMENT UNDER SUBSECTION 4(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(1) Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) di Majlis Perbandaran Kajang.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(1) of the Strata Management Act 2013 [*Act 757*], the State Authority has appointed the persons named in column (2) with effect from the dates specified in column (3) at the Kajang Municipal Council.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Office	Tarikh/Date
Mohd Sayuthi bin Bakar (KP/NRIC. 700402-02-5815)	Pesuruhjaya Bangunan/ <i>Commissioner of Buildings</i>	1-6-2015
Zamani Ahmad bin Mansor (KP/NRIC. 710819-02-5019)	Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1/ <i>Deputy Commissioner of Buildings 1</i>	1-6-2015

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Office	Tarikh/Date
Siti Rosemawar binti Mohd Sahi (KP./NRIC. 800630-05-5408)	Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 2/ <i>Deputy Commissioner of Buildings 2</i>	1-6-2015
Norazman bin Ismail (KP./NRIC. 820808-13-5009)	Pegawai-Pegawai Lain Pesuruhjaya Bangunan/ <i>Other Officer of Commissioner of Buildings</i>	1-6-2015
Mohd Azhari bin Nordin (KP./NRIC. 840329-01-5657)	Pegawai-Pegawai Lain Pesuruhjaya Bangunan/ <i>Other Officer of Commissioner of Buildings</i>	1-6-2015
Nadiah binti Razali (KP./NRIC. 870214-02-5238)	Pegawai-Pegawai Lain Pesuruhjaya Bangunan/ <i>Other Officer of Commissioner of Buildings</i>	1-6-2015

Bertarikh 31 Mac 2016

Dated 31 March 2016

[MPK]. 353/UDG/PUU. Sel. Jld. 4; P.U. Sel. (ADV)/PS 05/4/2 Jld. 2]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor/
Clerk
State Executive Council
Selangor

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 1389.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Tan Yu Lim (KP. 691209-10-5627) yang beralamat 5 Jalan Cahaya 7, Taman Bedena Jaya, 45300 Sungai Besar, Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam pada hari Khamis bertarikh 28 April 2016 jam 11.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pekan—Sungai Besar. No. Lot—13258. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6446. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2037/2011.

Bertarikh 28 Mac 2016
[PTSB. 6/6/14/2016]

MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI
Penolong Pegawai Daerah
(Pendaftaran Geran)
b.p. Pentadbir Tanah
Sabak Bernam

No. 1390.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abdullah Sani bin Mat Jam (KP. 560501-10-6053) dan Hilmenyah binti Hatibin (KP. 640723-08-6238) yang beralamat 16 Jalan Damai, Taman Nirwana Indah, 45300 Sungai Besar, Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam pada hari Khamis bertarikh 28 April 2016 jam 12.00 tengahari.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab mengapa perintah tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Pekan—Sungai Besar (Panchang Bedena). No. Lot—35994 (P.T. 1489). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 8194 (H.S.(M) 10060). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 315/2008.

Bertarikh 1 April 2016
[PTSB. 6/6/15/2016]

MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI
Penolong Pegawai Daerah
(Pendaftaran Geran)
b.p. Pentadbir Tanah
Sabak Bernam

No. 1391.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Tik Mastura binti Md Mahzir (KP. 790922-08-5936) yang beralamat 2246 Tingkat Sg. Gelugor 9, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman, KM16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves, Selangor pada hari Selasa bertarikh 26 April 2016 jam 9.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Hulu Kelang. No. Lot/Petak/P.T.—2870. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 131/M1/1/8. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2742/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 April 2016
[PTDG. 15/184/2015 (02)]

ABDUL SHARIZ IZWAN BIN ABD SHUKOR
*b.p. Pentadbir Tanah
Gombak*

No. 1392.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Fahmi bin Mahmud, Penolong Pentadbir Tanah Hulu Langat, menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 28 April 2016 jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat, Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat, Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM460,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Enam Puluh Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM528,117.97. Nama Pemegang Gadaian: Bank Muamalat Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM46,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Enam Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 26 Ogos 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Ampang. No. Lot—41621 Seksyen 15. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3671. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 7690/2008. Tarikh 11-6-2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Mac 2016
[PTD.HL.PPJ(Pend.) 700-6/3/137-2015]

*Pentadbir Tanah
Hulu Langat*

No. 1393.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Fahmi bin Mahmud, Penolong Pentadbir Tanah Hulu Langat, menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 28 April 2016 jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat, Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat, Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM95,374.53. Nama Pemegang Gadaian: RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 26 Ogos 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Ceras. No. Lot—2588. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 948. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 178/2009. Tarikh 13-1-2009. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Mac 2016
[PTD.HL.PPJ(Pend.) 700-6/2/222-2015]

*Pentadbir Tanah
Hulu Langat*

No. 1394.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Fahmi bin Mahmud, Penolong Pentadbir Tanah Hulu Langat, menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 28 April 2016 jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat, Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat, Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM225,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM379,091.72. Nama Pemegang Gadaian: RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM22,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Dua Ribu Lima Ratus sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 26 Ogos 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Ampang. No. Lot—37416. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 635/M3/4&5/251. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 11345/2002. Tarikh 18-11-2002. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Mac 2016
[PTD.HL.PPJ(Pend.) 700-6/3/145-2015]

*Pentadbir Tanah
Hulu Langat*

No. 1395.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairul Fahmi bin Mahmud, Penolong Pentadbir Tanah Hulu Langat, menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 28 April 2016 jam 10.00 pagi di Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat, Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat, Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah, Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM1,700,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Tujuh Ratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM1,654,073.76. Nama Pemegang Gadaian: Public Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM170,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tujuh Puluh Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 26 Ogos 2016 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Ampang. No. P.T.—1872. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 9546. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 14699/2014. Tarikh 9-12-2014. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Mac 2016
[PTD.HL.PPJ(Pend.) 700-6/3/256-2015]

*Pentadbir Tanah
Hulu Langat*

No. 1396.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Mohamad Salleh Yong bin Abdullah beralamat di 76 Jalan Midah 3, Taman Midah, Cheras, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 5369/2014 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut;

Dan bahawasanya dalam kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bukit Raja. No. Lot—8268. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 152.

Bertarikh 7 April 2016
[PTP. 16/6/2015 Sk. 20]

NADHIRAH BINTI MOHAMMED KHALIM
Pentadbir Tanah
Petaling

No. 1397.

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 432

Pada menjalankan kuasa yang diberi kepada saya di bawah peruntukan subseksyen 431(1) Kanun Tanah Negara, saya Nadhirah binti Mohammed Khalim, Pendaftar Tanah Petaling dengan ini mengarahkan notis di bawah Borang 19C seksyen 326 Kanun Tanah Negara dibuat “substituted services” di bawah subseksyen 432(1) Kanun Tanah Negara.

- (a) Dengan menampalkan sesalinan notis dalam keadaan yang boleh dilihat—
- (i) Di atas tanah—P.M. 152 Lot 8268, Mukim Bukit Raja.
 - (ii) Di papan kenyataan di Pejabat/Balai Penghulu Petaling.
 - (iii) Di papan kenyataan di Pejabat Tanah/Daerah Petaling.
- (b) Dengan menyiarkan sesalinan notis di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* berhubung dengan pemotongan kaveat.

Cop mohor diperturunkan di hadapan saya pada 7 April 2016.
[PTP. 16/6/2015 Sk. 20]

NADHIRAH BINTI MOHAMMED KHALIM
b.p. Pentadbir Tanah
Petaling

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA